

**DIMENSI BAHASA DALAM AGAMA**, oleh Munif Zarirruddin Fikri Nordin. 2015. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur. Hlm. 269. ISBN 978-983-46-1860-5.

Sebelum membahaskan isi kandungan buku ini, pengulas ingin memperkenalkan penulis buku ini secara ringkas terlebih dahulu. Hal ini penting kerana penulis dan hasil penulisan amat berkait rapat. Di bahagian kulit belakang buku tersebut, terdapat sedikit latar belakang penulis. Beliau merupakan Profesor Madya di Pusat Pengajian Umum Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah. Beliau pernah menjadi profesor pelawat di Pusat Pengajian Islam Oxford, United Kingdom mulai Oktober 2012 hingga September 2013. Bidang kepakaran beliau ialah analisis wacana agama, bahasa agama, dan sosiologi bahasa Arab di Malaysia.

Beliau berkelulusan sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam dan Linguistik Arab di Universiti al-Azhar, Kaherah Mesir (1991), Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Modern di Universiti Malaya (1996), dan Doktor Falsafah di Universiti yang sama (2008). Tesis Sarjana beliau ialah *Sistem kala kata kerja bahasa Arab*, manakala tajuk tesis Doktor Falsafah ialah *Bahasa kepimpinan Rasulullah SAW: Analisis Wacana Khutbah Ghazawat al-Rasul*. Berdasarkan biodata ringkas ini, pengulas menyimpulkan bahawa beliau merupakan ahli akademik yang memfokuskan perbahasan tentang hubungan antara agama dengan bahasa. Dalam konteks ini, sudah pasti agama yang dimaksudkan ialah Islam. Berdasarkan pemerhatian pengulas, selain Awang Sariyan, Hashim Musa dan tokoh-tokoh bahasa di Malaysia yang aktif menghubungkan bahasa dengan agama, Munif Zarirruddin Fikri boleh dikategorikan sebagai tokoh bahasa yang berpotensi untuk melihat agama dari sudut bahasa, dan bahasa dari agama.

Secara umumnya, buku ini merupakan himpunan 37 makalah yang dipecahkan kepada tujuh bab. Bab pertama berjudul *Agama Sumber Bahasa*. Menurut penulis, bab ini membahaskan kedudukan agama sebagai sumber kebahasaan. Dengan perkataan lain, beliau memperlihatkan hubungan antara bahasa dengan agama. Baginya, dalam sejarah tamadun manusia, agama merupakan unsur utama yang memelihara kelangsungan hidup sesuatu bahasa. Bahasa hidup kerana mendapat roh agama, dan bahasa berkembang kerana mendapat sumber bekalan kosa kata agama. Selain itu, beliau turut mengetengahkan prinsip-prinsip asas bahasa yang terdapat dalam kitab suci al-Quran. Beliau melihat bahawa salah satu mukjizat al-Quran ialah keunggulannya sebagai sumber rujukan bidang atau pengajian bahasa dan linguistik. Dalam bab ini juga, beliau turut menyentuh sedikit ayat makkiyah dan madaniyah.

Beliau menggunakan frasa “linguistik rabbani” dalam memperincikan prinsip-prinsip asas bahasa yang terkandung dalam al-Quran (hlm 3). Menurut beliau, linguistik rabbani ialah prinsip asas yang ketahanan, keseimbangan dan kesesuaiannya untuk diterapkan dalam apa-apa juga kajian tentang bahasa manusia. Ciri ketahanan, keseimbangan dan kesesuaian telah meletakkan prinsip linguistik yang digariskan al-Quran berada pada satu tahap yang ideal sepanjang zaman. Dalam bahagian ini, beliau memperturunkan 11 petikan ayat al-Quran dan disertai dengan prinsip bahasa. Melalui kajian terhadap al-Quran, beliau

mengenal pasti sembilan prinsip linguistik yang terdapat dalam al-Quran, iaitu fungsi bahasa, etika berbahasa, bahasa dalam konteks, perancangan bahasa, pembakuan bahasa, teori bahasa (penganugerahan bahasa kepada Adam), bahasa keperluan asas, kesantunan bahasa, dan variasi bahasa.

Di sini pengulas senaraikan tiga contoh surah beserta prinsip yang terkandung dalam ayat tersebut.

1. “Dan jika engkau terpaksa berpaling tidak melayani mereka, kerana mereka menunggu rezeki dari Tuhanmu yang engkau harapkan, maka katakanlah kepada mereka kata-kata yang menyenangkan hati”. (Surah al-Isra’ 17:28).
2. “Dan Dia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu Dia berfirman: Terangkanlah kepada-Ku nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar”. (Surah al-Baqarah 2:31).
3. “Permudahkan! Maka sesungguhnya tujuan Kami memudahkan al-Quran dengan bahasamu (wahai Muhammad), ialah supaya mereka (yang memahaminya) beringat dan insaf (untuk beriman dan mematuhi). (Surah al-Dukhan 44:58)

Tiga surah di atas, dipetik oleh penulis untuk menggambarkan tiga prinsip linguistik. Surah al-Isra’ di atas mengandungi prinsip etika berbahasa. Menurut beliau, dalam apa-apa juga keadaan, bahasa mestilah digunakan dengan cermat, termasuk menyenangkan hati orang lain. Surah al-Baqarah 2:3 yang dipetik di atas memperlihatkan dua prinsip linguistik, iaitu teori bahasa dan bahasa sebagai keperluan asas. Surah ini menunjukkan bahawa bahasa adalah anugerah Allah kepada manusia, yang diberikan kepada Nabi Adam sebagai manusia pertama. Surah ini juga menunjukkan bahawa bahasa merupakan keperluan asas manusia sehingga melayakkan manusia menjadi khalifah. Prinsip yang terkandung dalam surah al-Dukhan di atas pula ialah bahasa mestilah digunakan berdasarkan konteks dan keperluan. Pengulas sependapat dengan penulis yang mengatakan bahawa masih banyak rahsia prinsip linguistik yang tersimpan dan perlu pengkajian yang mendalam. Oleh itu, menjadi tugas para penyelidik untuk membongkar lebih banyak lagi rahsia tersebut.

Aspek lain yang disentuh dalam bab satu ini ialah jaminan pemeliharaan al-Quran. Pemeliharaan al-Quran ini merangkumi sistem bahasa yang tidak berubah, dan tidak akan mengalami penyisihan. Selain itu, beliau juga membahaskan al-Quran sebagai korpus bahasa, proses pengumpulan dan pembakuan al-Quran, dan perancangan taraf. Penulis turut memperincikan bahasa kepimpinan Rasulullah. Bab ini ditutup dengan kisah “dialog al-Quran”. Dialog al-Quran ini memaparkan kisah wanita berbicara menggunakan bahasa atau ayat-ayat al-Quran. Kisah yang sangat menarik ini dipetik daripada buku *Lughathuna al-Jamilah*.

Dalam bab dua pula, penulis tersebut menghuraikan agama dalam perkembangan bahasa. Di bahagian pengenalan buku tersebut, penulis menyebut bahawa agama yang mempunyai pengaruh yang besar ialah bahasa yang mempunyai sistem yang mantap, khususnya dari segi pengungkapan konsep dan makna. Dengan perkataan lain, bahasa yang mantap dalam sesebuah agama akan memberikan sumbangan yang besar kepada tamadun lain, khususnya berkenaan dengan kata-kata kunci utama agama tersebut. Dalam melihat hubungan agama Islam dengan bahasa Melayu, penulis tersebut memetik pandangan dua tokoh atau ilmuwan Islam, iaitu Ibn Taimiyyah (611-728 Hijrah) dan Ibn Khaldun.

Baginya, bahasa dan agama mempunyai hubungan simbiosis, iaitu hubungan yang saling melengkapi antara satu sama lain. Bahasa Melayu tidak terkecuali daripada hubungan ini. Dalam konteks ini juga, beliau menyimpulkan bahawa agama Islam menjadi agama terpenting dalam perkembangan bahasa Melayu. Pernyataan ini dibuat berdasarkan pandangan Syed Muhammad Naquib Al-Atta yang mengatakan bahawa agama Islam telah membawa rasionalisme dan intelektualisme dalam bahasa Melayu. Keadaan ini menyebabkan bahasa Melayu terus berkembang dan dalam masa yang sama Islam tersebar luas di alam Melayu. Penulis turut mengetengahkan bahawa perbincangan berkenaan hubungan antara bahasa dengan agama telah menjadi perhatian para sarjana, sama ada sarjana Islam atau Barat pada abad ke-20.

Selain itu, beliau menghuraikan pengertian agama dalam bahasa dan pemikiran Melayu. Dalam membahaskan isu ini, penulis tersebut berpendapat bahawa dalam falsafah dan pemikiran Melayu, agama Hindu, Buddha dan Islam mempunyai hubungan simbiosis, seperti yang disebutkan di atas. Hubungan ini mudah difahami melalui persoalan mengapa manusia beragama. Selain itu, beliau juga memperlihatkan titik pertemuan antara bahasa dan agama. Titik pertemuan itu dilihat dari sudut bahasa, dan peranan agama. Tambahnya lagi, bahasa sebagai alat komunikasi, dan membentuk hubungan manusia-manusia, dan manusia dengan Pencipta. Hubungan ini tidak akan berlaku tanpa bahasa. Beliau menutup perbincangan ringkas itu dengan kesimpulan (hlmn 49-51) “semakin tinggi kefahaman tentang agama, maka semakin meningkat keperluan kepada bahasa, dan sudah tentu berkembanglah penggunaan bahasa”. Terdapat satu bahagian khas yang memperincikan hubungan simbiosis Islam dengan bahasa Melayu (hlmn 51-55). Huraian beliau terhadap pertemuan antara bahasa dan agama menggambarkan beliau cukup memahami peranan agama dan bahasa.

Bab dua turut memperincikan peranan bahasa dalam dakwah. Beliau menghuraikan perkembangan dakwah dalam bahasa Melayu berdasarkan sejarah awal perkembangan Islam di alam Melayu. Beliau memperincikan tiga tahap perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa dakwah, iaitu tahap klasik, peralihan dan moden. Selain itu, aspek menarik yang diperhatikan dalam buku ini juga ialah kesan-kesan bahasa Arab terhadap bahasa Melayu. Beliau bersandarkan penyelidikan Syed Muhammad Naquib al-Attas untuk menyimpulkan bahawa bahasa Arab memberi kesan yang sangat besar kepada bahasa Melayu. Kedatangan bahasa Arab telah mengangkat martabat dan nilai bahasa Melayu.

Selain itu, perkembangan bahasa Melayu turut berlaku, dari sudut perbendaharaan kata, tulisan, tatabahasa, semantik, laras bahasa, dan morfologi.

Dalam bab tiga, penulis sendiri memaklumkan bahawa terdapat 12 makalah. Bab ini membahaskan dimensi agama dan hubungannya dengan penggunaan bahasa. Dengan bahasa yang mudah, bab ini telah menghuraikan ciri-ciri agama yang wujud dalam bahasa sama ada bahasa sebagai pengatur aktiviti berbahasa, atau agama sebagai penyemarak. Perkara pertama yang dibahaskan dalam bab ini ialah hubungan bahasa dengan gender yang menjurus kepada martabat wanita. Beliau memilih bahasa Arab dan bahasa Melayu untuk melihat hubungan bahasa dan gender martabat wanita. Beliau membuat perbandingan bagaimana kedua-dua bahasa ini mengungkapkan martabat wanita. Perbandingan martabat wanita bagi kedua-dua bahasa adalah melalui analisis kata nama dan kata kerja. Hasil daripada analisis perbandingan tersebut, penulis tersebut menyimpulkan bahawa kedua-dua sistem bahasa mempunyai perbezaan yang ketara dalam konteks gender. Walaupun kedua-dua sistem bahasa memperlihatkan martabat yang berbeza, tetapi tujuannya tetap sama, iaitu meletakkan martabat wanita pada tempatnya.

Daripada aspek ini, pengulas sependapat dengan penulis buku bahawa sistem bahasa berupaya memperlihatkan nilai sesuatu aspek masyarakat. Jika kita perhatikan sistem gelaran yang terlalu banyak dalam bahasa Melayu, khususnya di Malaysia. Negara ini menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia terlalu mementingkan pangkat dan gelaran berbanding masyarakat Barat yang memperjuangkan kesamarataan. Gelaran Dato', Datuk Seri, Datin Sri, Datuk Sri Utama, Tun, Tan Sri, Dato' Seri dan sebagainya menjadi bukti bahawa pangkat lebih diutamakan di Malaysia. Amerika atau Britain yang mengamalkan sistem kesamarataan tidak mengamalkan gelaran yang terlalu banyak. Malah presiden Amerika pun hanya disapa dengan gelaran *Mr. President* kemudian diikuti nama presiden tersebut.

Selain itu, penulis turut menghuraikan hubungan bahasa dengan politik. Beliau memperkenalkan istilah "bahasa politik Islam". Menurut beliau, bahasa politik Islam ialah bahasa yang menggunakan istilah-istilah al-Quran sebagai modal kempen dalam pilihan raya. Istilah-istilah yang dimaksudkan ialah iman-kufur, taat-ingkar, adil-zalim, syurga-neraka. Beliau melihat bahawa bahasa politik Islam ini menjadi senjata yang paling kuat berbanding wang ringgit, khususnya kempen-kempen di kawasan Kelantan, Kedah dan Terengganu. Bahasa politik Islam sentiasa menonjolkan imej Islam dan menjadi lambang keperibadian seseorang atau parti. Menurut beliau, PAS sentiasa menonjolkan bahasa politik Islam dan mereka berjaya. Walau bagaimanapun, penulis tersebut mengakui agak sukar untuk menentukan keberkesanan bahasa politik Islam dalam konteks pilihan raya. Banyak unsur bukan linguistik diperlukan untuk menentukan hal tersebut. Apakah pemilih lebih mengutamakan individu atau parti.

Satu lagi perkara yang menarik dalam bab ini ialah subtopik *Mulut Manis Hati Busuk, Mulut Jahat Hati Baik*. Beliau menimbulkan persoalan manakah yang lebih baik. Beliau berpendapat bahawa tiada yang baik dan tiada yang lebih baik. Jawapan yang terbaik ialah

mulut manis dan hati baik. Menurut beliau, bahasa bagi mulut manis hati jahat, dan mulut jahat hati baik ialah bahasa dan hati yang diselaputi kepalsuan. Pada pandangan pengulas, hal ini penting difahami oleh pembaca kerana kita sering mendengar ungkapan “bahasa dia agak kasar, tetapi hatinya baik”. Hati dan bicara perlu selari, iaitu hati dan pertuturan hendaklah kedua-duanya baik. Banyak lagi perkara lain yang dibincangkan dalam bab ini. Antaranya ialah bahasa nasihat kepada pemimpin, bahasa sebagai pembebas jiwa terpenjara, hubungan bahasa dengan kedamaian, islamifobia dalam bahasa karikatur, hubungan bahasa erotik dan eksotik dalam al-Quran dan sebagainya. Buku ini amat bermanfaat, khususnya mereka yang sentiasa berfikiran Islamik.

Bab empat pula membahaskan hubungan antara agama, bahasa dan bangsa. Menurut beliau, terdapat pelbagai bentuk cabaran yang mewarnai bahasa dan masyarakat penuturnya apabila berhadapan dengan isu-isu yang berkaitan dengan kepercayaan, pegangan hidup, nasionalisme dan rasionalisme. Perkara utama yang diketengahkan oleh penulis dalam bab ini ialah persoalan proses sekularisasi bahasa. Dalam konteks ini, penulis memetik pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas tentang konsep sekularisasi melalui buku *Islam dan Secularism*. Maksud sekularisasi ialah pembebasan manusia daripada agama dan kawalan metafizik terhadap akal dan bahasanya. Beliau melihat sekularisasi Barat sebagai satu gerakan yang telah berjaya dalam siri imperialisme dan kolonialisme di negara-negara Islam di Asia dan Afrika Utara.

Beliau menimbulkan persoalan “apabila sekularisasi menjadikan bahasa sebagai mangsa, baik sebagai medium atau sebagai objek dalam gerakan sekularisasi, maka antara yang wajar diperhalus ialah adakah sekularisasi bahasa boleh dianggap sebagai kesan dan pengaruh daripada persaingan bahasa, dan bagaimana pula sifat bahasa yang mengalami proses sekularisasi? (hlmn 146). Dalam menjawab persoalan ini, beliau memperincikan fungsi bahasa dalam tamadun, isu persaingan bahasa, konsep sekularisme dan sekularisasi, sekularisasi bahasa, dan persaingan antara islamisasi bahasa dengan sekularisasi bahasa. Beliau merumuskan fungsi bahasa dalam konteks tamadun sebagai wahana yang berupaya menyuntik kecintaan kepada agama; menampilkan jati diri bangsa; mengungkapkan tasawur pandangan semesta; merangsang pemikiran; menjana intelektualisme mencetuskan budaya ilmu, menanamkan norma-norma akhlak mulia; menggambarkan prinsip undang-undang, politik dan sosial; menggiatkan hasil seni dan sastera, dan sebagainya.

Satu perkara yang ingin pengulas tekankan di sini ialah islamisasi bahasa dan sekularisasi bahasa (hlmn 153-156). Sebelum sampai kepada isu ini, penulis tersebut terlebih dahulu memberi konsep sekularisasi bahasa. Menurut beliau, sekularisasi bahasa merupakan satu proses pemisahan elemen bahasa daripada nilai-nilai agama dan ketuhanan dan keagamaan. Beliau menggunakan konsep ini untuk menggambarkan hubungan sekularisasi bahasa dengan bangsa. Menurutnya, sekularisasi bahasa merupakan satu gerakan pemisahan elemen bahasa daripada jati diri bangsanya. Oleh itu, beliau menyimpulkan bahawa sekularisasi bahasa tidak hanya mengancam kesucian agamanya, malah turut mengancam pembentukan bangsanya.

Beliau mengetengahkan dua contoh penting dalam konteks kesan sekularisasi bahasa, iaitu Turki moden dan Tanah Melayu. Turki pada era Musata Kamal yang telah menukar huruf Arab kepada huruf Roman; menukar azan dalam bahasa Arab kepada bahasa Turki; melarang penulisan al-Quran dalam bahasa Arab dan mengarahkan untuk menulis dalam bahasa Turki merupakan contoh sekularisasi bahasa terhadap agama dan bangsanya. Dalam konteks sejarah Melayu, proses sekularisasi bahasa berlaku melalui sistem pendidikan formal yang diperkenalkan oleh British. Penulis tersebut melihat bahawa sistem pendidikan Barat telah secara beransur-ansur memisahkan bahasa Melayu daripada orang Melayu, termasuklah penukaran tulisan Jawi kepada Rumi. Oleh sebab itu, penulis tersebut berusaha mengangkat konsep islamisasi bahasa dalam menghadapi proses sekularisasi bahasa yang dibawa oleh Barat.

Menurut penulis, Syed Muhammad Naquib antara pelopor islamisasi bahasa. Menurut Syed Muhammad Naquib, islamisasi pertama ialah islamisasi bahasa dan hakikat ini dibuktikan apabila bahasa Arab dipilih sebagai bahasa al-Quran yang menjadi sumber utama agama Islam. Dalam konteks bahasa Melayu untuk menghadapi sekularisasi bahasa, beliau menekankan bahawa al-Quran mengajak bangsa Melayu untuk berfikir tentang kedudukan bahasa Melayu melalui pengalaman yang pernah dilalui oleh bahasa Arab. Oleh itu, bangsa Melayu perlu berfikir bahawa bahasa (Melayu) ialah anugerah Allah SWT yang mesti dipelihara dan dipertahankan dalam semua keadaan; martabat dan kedudukan bahasa Melayu diangkat ke kedudukan yang lebih tinggi; dan memelihara ketahanan bahasa Melayu daripada berubah. Banyak lagi perkara lain yang dibahaskan oleh dalam bab ini. Antaranya ialah watak dan ciri-ciri bahasa presiden Amerika Syarikat, bahasa dolak-dalik kamu Yahudi, bahasa sebagai pengukur tamadun bangsa, dan persoalan bahasa dan kepimpinan. Bab ini menarik untuk melihat bagaimana ciri-ciri bahasa yang diamalkan oleh watak-watak penting dalam arena global. Selain itu, bagaimana penulis menjadikan bahasa sebagai pengukur nilai sesebuah tamadun bangsa.

Bab lima juga agak menarik diteliti oleh pembaca. Bab ini bertajuk *Bahasa Tamadun Islam* dengan memberi tumpuan bahasa Melayu dan bahasa Arab sebagai bahasa masyarakat Islam. Bab ini merangkumi pengaruh agama Islam dan bahasa Arab terhadap bahasa dan pemikiran orang Melayu. Dengan perkataan lain, bab ini akan menghuraikan perkembangan bahasa Arab di alam Melayu dan kesannya terhadap jati diri dan pemikiran orang Melayu dalam era globalisasi. Bab ini menunjukkan bahawa sumbangan terbesar agama Islam terhadap bahasa Melayu ialah mengangkat martabat bahasa Melayu sehingga menjadi bahasa rasmi Asia Tenggara. Malah beliau berpendapat bahawa wujud keserasian antara bahasa Melayu dengan bahasa Arab sehingga mengembangkan bahasa Melayu dari sudut perbendaharaan kata, morfologi, sintaksis, semantik, laras bahasa, tulisan dan sebagainya. Dalam konteks era globalisasi abad ke-21, menegaskan bahawa bahasa Arab akan sentiasa diperlukan oleh bahasa dan pemikiran Melayu. Selain itu, bab ini turut menghuraikan konsep pembauran bahasa Melayu-Arab dalam filem, konsep retorik yang disalahertikan, dan penggunaan bahasa Arab dalam menamakan syarikat.

Bab enam yang bertajuk *Bahasa dalam Wacana Agama* pula memperincikan konsep bahasa politik Islam. Ini merupakan lanjutan daripada konsep bahasa politik Islam yang dibahaskan dalam bab 3 buku tersebut. Antara perkara yang diperincikan ialah istilah kafir dalam wacana bahasa politik Islam di Malaysia. Menurut beliau, perkataan kafir amat sensitif dan boleh membawa implikasi besar dan berbahaya dari sudut tafsirannya. Beliau menyediakan satu bahagian khas untuk memperincikan etimologi kafir, iaitu kajian tentang asal-usul makna dan istilah kafir. Beliau turut menghuraikan parti-parti yang terlibat dalam penggunaan bahasa politik Islam, iaitu bahasa yang menggunakan istilah-istilah al-Quran untuk menonjolkan imej Islam dalam diri ahli politik dan parti politik itu sendiri. Selain itu, fenomena Amanat Haji Hadi turut dibahaskan oleh Munif Zarirruddin. Fenomena ini masih menjadi perbincangan dalam kalangan masyarakat Malaysia sehingga hari ini. Bab terakhir atau bab tujuh berkenaan dengan Semiotik Bahasa Agama. Bab ini agak ringkas dan padat berbanding dengan bab lain. Bab ini memberi tumpuan terhadap anomatopeia gagap dalam bahasa Arab, brakilogi dalam bahasa Arab, dan Ejaan Nama Arab Versi Inggeri dan Melayu.

Secara keseluruhan, pengulas menyimpulkan bahawa Munif Zarirrsuddin Fikri telah berjaya memberikan pencerahan berkenaan dengan hubungan bahasa dengan agama, khususnya agama Islam dengan bahasa Melayu. Bahasa yang digunakan dalam buku amat mudah difahami dan sesuai untuk semua lapisan masyarakat. Berdasarkan tinjauan pengulas, tidak banyak buku yang membahaskan hakikat bahasa dan hubungannya dengan Islam, bangsa dan pemikiran Melayu dalam bahasa yang mudah.

**Abd Ganing Laengkang**

Pusat Pengajian Teras,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.